

IS THE INTEGRATION OF TAHFIZ-TEVT THE ANSWER TO INDUSTRY NEEDS? A CRITICAL ANALYSIS OF CURRICULUM ALIGNMENT AND GRADUATE EMPLOYABILITY

ADAKAH INTEGRASI TAHFIZ-TVET JAWAPAN KEPADA KEPERLUAN INDUSTRI? ANALISIS KRITIKAL KESELARASAN KURIKULUM DAN KEBOLEHPASARAN GRADUAN

Nurul Nisha Mohd Shahⁱ, Mohd Radzman Basinsonⁱⁱ & Nor Hasif Othmanⁱⁱⁱ

ⁱ (Corresponding author). Pensyarah, Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan, Malaysia. nurulnisha@uitm.edu.my

ⁱⁱ Pengarah Kreatif, Sixtysix Action Academy, Malaysia. radzmanbasinson@gmail.com

ⁱⁱⁱ Pengarah Urusan, Sixtysix Action Academy, Malaysia. norhasifothman@gmail.com

Article Progress

Received: 15. April 2026

Revised: 30 April 2026

Accepted: 30 May 2026

Abstract	<i>The integration of Islamic education and Technical and Vocational Education and Training (TVET) through the Tahfiz-TVET initiative, introduced in 2022, is widely regarded as a strategic effort to empower huffaz with relevant technical and vocational competencies. However, despite the proliferation of policies and programmes, significant gaps remain in terms of conceptual inquiry and critical analysis regarding the extent to which the Tahfiz-TVET framework effectively functions as a catalyst for enhancing the employability of tahfiz graduates within the contemporary labour market. Current studies on TVET in Malaysia consistently highlight the persistent structural issue of curriculum misalignment with industry demands, a concern that also extends to religion-based programmes. This concept paper aims to provide an in-depth examination of the Tahfiz-TVET integration as a model for developing Muslim human capital that is not only grounded in strong mastery of the Quran, but also equipped with technical and professional competencies. Drawing upon a critical analysis of recent journal articles, policy reports, and official documents, this paper explores several key dimensions, including the positioning of Tahfiz-TVET within the national TVET ecosystem, issues of curriculum-industry mismatch, the potential of an Attitude-Skills-Knowledge (ASK)-based competency framework, and its implications for the employability and social mobility of tahfiz graduates. This concept paper proposes a preliminary conceptual framework to evaluate and restructure the Tahfiz-TVET integration to be more industry-oriented without compromising Islamic identity and values, thereby opening avenues for further discourse in terms of policy, curriculum design, and practical implementation.</i> Keywords: Tahfiz, TVET, Graduate, Education, Competency.
Abstrak	<i>Integrasi pendidikan Islam dan TVET melalui inisiatif Tahfiz-TVET yang dilancarkan sejak 2022 dilihat sebagai langkah strategik untuk memperkasa golongan huffaz dengan kemahiran teknikal dan vokasional yang relevan. Namun, di sebalik pelbagai dasar dan program yang diperkenalkan, masih wujud kelompongan dari segi kajian konseptual dan analisis kritikal tentang</i>

	sejauh mana kerangka Tahfiz–TVET ini benar-benar berfungsi sebagai pemangkin kebolehpasaran graduan tahfiz dalam pasaran kerja moden. Kajian semasa mengenai TVET di Malaysia turut menegaskan bahawa isu ketidakselarasan kurikulum dengan keperluan industri kekal sebagai masalah struktur yang berpanjangan, termasuk dalam program berasaskan agama. Kertas konsep ini bertujuan menghuraikan secara mendalam idea integrasi Tahfiz–TVET sebagai satu model pembangunan modal insan Muslim yang bukan sahaja kuat dari segi penguasaan al-Quran, tetapi juga kompeten dari sudut kemahiran teknikal dan profesional. Berasaskan analisis kritikal ke atas artikel jurnal, laporan dasar dan dokumen rasmi terkini, kertas kerja konsep ini mengupas beberapa aspek utama iaitu kedudukan Tahfiz–TVET dalam ekosistem TVET nasional, isu ketidaksepadanan kurikulum dengan kehendak industri, potensi kerangka kompetensi berasaskan Attitude–Skills–Knowledge (ASK), serta implikasi terhadap kebolehpasaran dan mobiliti sosial graduan tahfiz. Kertas kerja konsep ini mencadangkan satu kerangka konseptual awal bagi menilai dan menstruktur semula integrasi Tahfiz–TVET agar lebih berpaksi pada industri tanpa mengorbankan identiti dan nilai Islamiah, sekali gus membuka ruang perbahasan lanjut daripada sudut polisi, kurikulum, dan amalan lapangan. Kata kunci: Tahfiz, TVET, Graduan, Pendidikan, Kompetensi.
--	--

PENDAHULUAN

Integrasi Tahfiz–TVET di Malaysia semakin dilihat sebagai salah satu strategi utama untuk melahirkan huffaz profesional yang relevan dengan keperluan industri, namun reka bentuknya masih mencari bentuk yang paling tepat. Jika didalami integrasi tersebut hanya akan benar-benar berkesan jika ia bergerak melangkaui idea ringkas menggabung dua aliran kepada satu model penyelarasan kurikulum dan ekosistem pekerjaan yang *industry-aligned*, *competency-based* serta pada masa sama memelihara integriti agenda tahfiz.

Berasaskan mandat dasar seperti Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) yang menggariskan lima teras utama termasuk pembinaan model institusi tahfiz, kurikulum yang seiring arus perdana, tadbir urus serta sistem pengiktirafan dan pensijilan, inisiatif bersama JAKIM–JPK melalui pembangunan NOSS, pelaksanaan Skim Latihan Dual Nasional (SLDN) dan pelancaran program Tahfiz–TVET menjadi medan ujian penting kepada eksperimen integrasi ini.

Namun, perkembangan awal juga menyerlahkan kos pelaksanaan yang tidak kecil iaitu daripada isu kepadatan kurikulum dan risiko longgokan subjek yang menjejaskan kompetensi, hinggalah cabaran mengekalkan murāja‘ah dan disiplin hafazan semasa latihan industri.

Menanggapi jurang inilah, kertas ini mengemukakan Kerangka Ulul Albab–Industry Fit Tahfiz–TVET (KUIF–TT) sebagai satu model konseptual baharu yang menumpukan kepada padanan antara dasar, piawaian kompetensi, realiti pelaksanaan dan isyarat pasaran kerja sebagai asas kepada reka bentuk integrasi Tahfiz–TVET yang lebih mampan.

EVOLUSI SEJARAH DAN LANDSKAP DASAR PENDIDIKAN TAHFIZ

Sejarah pengajian Al-Quran di Tanah Melayu bermula seawal abad ke-15, di mana masyarakat mempelajari Islam melalui guru-guru Al-Quran di kampung dan golongan ulama yang berhijrah dari Timur Tengah. Tradisi ini berkembang menjadi institusi pondok yang menjadi pusat intelektual dan ritualisasi penting, dengan rekod menunjukkan Pondok Tok Pulai Chodong di Kelantan sebagai antara yang tertua, diasaskan pada tahun 1820. Walau bagaimanapun, pengurusan institusi tahfiz pada peringkat awal adalah tidak seragam dan tertakluk sepenuhnya kepada bidang kuasa pihak berkuasa agama negeri masing-masing.

Penyelarasan nasional mula mengambil tempat melalui penggubalan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN). Dasar ini telah dipersetujui oleh Majlis Kebangsaan Bagi

Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) pada Jun 2016 dan mendapat perkenan Majlis Raja-Raja pada Oktober 2017. DPTN dirangka untuk menjadi garis panduan seragam bagi pengurusan pendidikan tahfiz di seluruh Malaysia dengan mengambil kira Dasar Pendidikan Kebangsaan sedia ada.

TERAS STRATEGIK DASAR PENDIDIKAN TAHFIZ NEGARA (DPTN)

DPTN didasari oleh lima teras utama yang bertujuan untuk memartabatkan institusi tahfiz ke tahap profesional. Penyelarasan ini penting bagi memastikan huffaz tidak lagi dianggap sebagai golongan yang terpinggir daripada arus pembangunan perdana.

Teras	Fokus Utama	Mekanisme Pelaksanaan
Teras 1	Memantapkan Undang-Undang dan Penguatkuasaan	Memastikan institusi tahfiz berdaftar dan mematuhi standard keselamatan serta kebajikan pelajar.
Teras 2	Mewujudkan Model Institusi Tahfiz	Membangunkan pelbagai model pengajian termasuk Tahfiz Akademik, Tahfiz Turath, dan Tahfiz TVET.
Teras 3	Kurikulum Tahfiz Selari Arus Perdana	Mengintegrasikan kurikulum tahfiz dengan sistem pendidikan kebangsaan tanpa mengabaikan kualiti hafazan.
Teras 4	Memperkasakan Tadbir Urus	Meningkatkan profesionalisme pengurusan institusi melalui latihan kepimpinan dan tadbir urus korporat.
Teras 5	Sistem Pengiktirafan dan Pensijilan	Mewujudkan mekanisme pengiktirafan nasional bagi huffaz melalui kerjasama dengan agensi pensijilan.

Transformasi ini diperkukuhkan lagi dengan peranan Majlis Pendidikan Tahfiz Malaysia (MPTM) yang sedang giat membangunkan Kerangka Model Pengajian Tahfiz Malaysia bagi memastikan kelangsungan huffaz profesional yang mampu berdaya saing dalam bidang akademik dan teknikal. Pembangunan Standard Pengiktirafan Tahfiz Malaysia (SPTM) yang dimulakan pada 2020 juga menjadi bukti komitmen kerajaan dalam memastikan kualiti pendidikan tahfiz setanding dengan standard pendidikan arus perdana, termasuk pemberian insentif kewangan kepada institusi yang mencapai prestasi cemerlang.

DASAR TVET NEGARA 2030 DAN SINERGI PENDIDIKAN AGAMA

Pelancaran Dasar TVET Negara 2030 oleh Perdana Menteri pada tahun 2024 menandakan satu anjakan paradigma dalam penyelarasan tenaga mahir di Malaysia. Dasar ini bertujuan menyatukan program TVET di bawah 12 kementerian dengan sasaran melahirkan 35 peratus tenaga kerja berkemahiran tinggi menjelang tahun 2030. Bagi komuniti tahfiz, ini merupakan peluang keemasan kerana Dasar TVET Negara 2030 menekankan pembangunan modal insan secara holistik yang merangkumi keseimbangan pengetahuan teknikal dan kemahiran insaniah.

Kerajaan telah memperuntukkan tambahan dana sebanyak RM200 juta khusus untuk program TVET dalam bidang teknologi tinggi seperti peralihan tenaga, digital, dan elektrik & elektronik (E&E). Integrasi tahfiz ke dalam dana ini membolehkan pelajar tahfiz mengakses kemudahan latihan yang kondusif di institusi seperti Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST) dan Institut Latihan Perindustrian (ILP).

KERANGKA TEKNIKAL: NOSS, SPKM, DAN KERJASAMA JAKIM-JPK

Titik permulaan integrasi teknikal Tahfiz-TVET berlaku melalui kerjasama antara Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) yang telah

terjalin sejak 2015. Usahasama ini memulakan pembangunan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) khusus untuk bidang tahfiz dan pelaksanaan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) di Darul Quran.

Pembangunan NOSS adalah kritikal kerana ia menetapkan tahap kompetensi yang diperlukan untuk mendapat pengiktirafan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM). Berdasarkan rekod Sistem Pengurusan Integrasi Kemahiran Malaysia (MySPIKE), beberapa kod NOSS telah digubal untuk memprofesionalkan bidang tahfiz:

Jadual 1: Senarai Kod NOSS, Tajuk Program dan Tahap Kemahiran bagi Bidang Tahfiz dan Pengajian Islam di Malaysia

Kod NOSS	Tajuk Program	Tahap Kemahiran
P854-001-5:2017	Pengurusan Tahfiz	Tahap 5
P854-002-3:2016	Pengajaran Tahfiz	Tahap 3
P854-002-4:2017	Pengajaran Tahfiz	Tahap 4
P854-002-5:2017	Pengajaran Tahfiz	Tahap 5
P854-010-3:2025	Pengajaran Pengajian Islam	Tahap 3
P854-007-3:2017	Pengajaran Tarannum	Tahap 3

Penggunaan kod NOSS ini membolehkan institusi seperti Institut Kemahiran Islam Darul Ridzuan (IKDAR) menawarkan program kemahiran yang mempunyai prasyarat hafazan yang tinggi, contohnya calon wajib mempunyai SKM Tahap 3 bagi kod P854-002-3:2016 dan menghafal sekurang-kurangnya 20 juzuk Al-Quran. Keadaan ini membuktikan bahawa integrasi TVET-Tahfiz tidak merendahkan standard agama, sebaliknya menjadikannya sebahagian daripada kompetensi teknikal.

DILEMA MURĀJA‘AH SEMASA LATIHAN INDUSTRI

Satu lagi titik kritikal dalam ekosistem Tahfiz-TVET adalah pengekal hafazan semasa pelajar menjalani latihan industri atau *On-the-Job Training* (OJT). Latihan industri menuntut komitmen masa dan fizikal yang tinggi, yang sering kali bertentangan dengan keperluan rutin hafazan yang tenang dan konsisten. Walaupun objektif program adalah melahirkan teknokrat huffaz, namun hanya sebahagian pelajar yang mampu mengekalkan disiplin *tasmik* harian mengikut sasaran buku panduan apabila berada di persekitaran industri.

ANALISIS ISYARAT PASARAN KERJA DAN *CRITICAL OCCUPATIONS* (MYCOL)

Keberkesanan program Tahfiz-TVET akhirnya diukur melalui kebolehpasaran graduan dalam pasaran kerja yang semakin kompetitif. Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) melalui *Critical Occupations List* (MyCOL) 2024/2025 mengenal pasti jurang kemahiran yang serius merentasi 18 sektor ekonomi utama di Malaysia. MyCOL berfungsi sebagai instrumen utama untuk menyelaraskan dasar modal insan dengan keperluan majikan, terutamanya dalam mengenal pasti pekerjaan yang mempunyai permintaan tinggi tetapi sukar diisi.

Berdasarkan trend dalam MyCOL 2024/2025, huffaz yang mempunyai kemahiran TVET mempunyai peluang besar dalam sektor-sektor berikut:

Jadual 2: Pemetaan Sektor Ekonomi, Keperluan Kemahiran dan Potensi Integrasi Huffaz dalam Industri

Sektor Ekonomi	Jawatan Kritikal / Kemahiran Diperlukan	Potensi Integrasi Huffaz
Ekonomi Digital & ICT	Pembangun Perisian, Pentadbir Sistem IT, Jurutera AI, Pakar Keselamatan Siber.	Huffaz mempunyai disiplin memori dan kognitif tinggi yang sangat sesuai untuk bidang pengaturcaraan dan data.

Pembuatan & Kejuruteraan	Jurutera Pengeluaran, Juruteknik Mekanikal, Operator Mesin Makanan.	Nilai amanah dan ketelitian huffaz menjamin kualiti dalam proses pengeluaran industri halal dan teknikal.
Perkhidmatan Kewangan	Pengurus Kewangan, Pengurus Sumber Manusia, Analisis Data.	Pengetahuan syariah yang mendalam memberikan kelebihan kompetitif dalam sektor perbankan dan insurans Islam.
Tenaga & Pembinaan	Juruelektrik Bangunan, Juruteknik Peralatan Perubatan, Pengurus Pembinaan.	Keperluan kepada tenaga kerja yang mempunyai integriti tinggi bagi mengurangkan risiko ketirisan dalam projek infrastruktur.

Laporan PIKOM (2025) turut menunjukkan bahawa gaji dalam sektor teknologi mencatatkan pertumbuhan yang kukuh, dengan kenaikan 10% hingga 12% bagi jawatan pengurusan dan kemasukan. Situasi ini menunjukkan bahawa laluan TVET bagi pelajar tahfiz bukan sekadar menyediakan pekerjaan, tetapi menyediakan laluan ke arah kerjaya berpendapatan tinggi yang mampu mengubah status sosio-ekonomi huffaz.

Walau bagaimanapun, industri melaporkan bahawa graduan baru sering kekurangan pengalaman praktikal dan mempunyai tahap kemahiran teknikal yang rendah. Oleh itu, penekanan kepada *Industry-Academic Linkage* adalah mandatori bagi memastikan kurikulum Tahfiz-TVET sentiasa dikemas kini dengan teknologi terkini seperti AI dan ekonomi hijau.

KERANGKA ULUL ALBAB-INDUSTRY FIT TAHFIZ-TVET (KUIF-TT)

Berdasarkan analisis jurang yang telah dibincangkan, kertas ini mencadangkan satu model konseptual baharu iaitu **Kerangka Ulul Albab-Industry Fit Tahfiz-TVET (KUIF-TT)**. Model ini meletakkan penyelarasan strategik sebagai teras bagi memastikan integrasi tahfiz dan TVET bergerak secara organik dan tidak bersifat kosmetik.

Bagi menangani jurang antara agenda spiritual dan tuntutan teknikal, model KUIF-TT dicadangkan sebagai strategi penyelarasan ekosistem yang holistik:

Jadual 3: Komponen Utama, Strategi Pelaksanaan dan Penjajaran Standard bagi Kerangka Integrasi KUIF-TT bagi Tahfiz-TVET

Komponen KUIF-TT	Deskripsi Strategik	Mekanisme & Standard Terkait
Pemetaan Kompetensi Bersepadu	Memetakan hasil pembelajaran tahfiz (disiplin, ketelitian, etika) ke profil kompetensi NOSS. Hafazan dikaitkan dengan disiplin kognitif bagi pengurusan data dan pengaturcaraan logik.	NOSS P854-002-3:2016 (Pengajaran Tahfiz); Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (JPK, 2017; Marwani et al., 2024).
Reka Bentuk Jadual Berfasa	Sistem <i>Modular Time-Blocking</i> untuk mengelakkan longgokan subjek. Waktu perdana (Subuh-Pagi) untuk hafazan/tasmik bagi menjamin kompetensi, manakala selepas Zohor untuk latihan amali TVET.	Model TMUA & IKDAR; Pengurusan masa berasaskan produktiviti kognitif (Misnan Jemali & Ahmad Sadadi Hafidz, 2003; IKDAR, 2023).
Model Guru Dwi-Kompetensi	Pelaksanaan <i>Team Teaching</i> antara pakar industri dan guru tahfiz (muhaqqif) dalam satu modul bagi memastikan penyerapan nilai Islamiah dalam etika kerja teknikal.	Mekanisme <i>Meaning Reframing</i> (Educational Jihad) bagi mengimbangi beban tugas dwi-bidang (Marwani et al., 2024).

Penilaian ASK-H	Memasukkan elemen Hafazan (H) ke dalam metrik <i>Attitude</i> , <i>Skill</i> , dan <i>Knowledge</i> . Mengukur ketekalan hafazan semasa <i>On-Job-Training</i> sebagai sebahagian daripada petunjuk prestasi pelajar.	Indikator Akauntabiliti Institusi Tahfiz; Kerangka penilaian kelestarian hafazan di industri (Abdul Kadir & Huda, 2025; Marwani et al., 2024).
<i>Industry Linkage Dinamik</i>	Kerjasama strategik melalui SLDN yang memberi insentif kepada majikan untuk menyediakan Zon Huffaz bagi memudahkan amalan spiritual dan tasmik di tempat kerja.	Model SLDN (70% Amali Industri / 30% Teori); Akta Cukai Pendapatan 1967 (Potongan cukai bagi syarikat SLDN) (JAKIM, 2022; GSI, 2024).

Integrasi Tahfiz–TVET di Malaysia merupakan satu langkah transformatif yang berpotensi menjadi penyelesaian kepada isu pengangguran graduan agama dan kekurangan tenaga mahir industri. Namun, kejayaannya bergantung sepenuhnya kepada sejauh mana sistem ini mampu bergerak melangkaui sekadar penyatuan kurikulum secara fizikal.

Keberkesanan KUIF-TT disokong oleh *Critical Occupations List* (MyCOL) 2024/2025 yang menunjukkan permintaan tinggi dalam sektor Ekonomi Digital, ICT, dan Perkhidmatan Kewangan Islam (TalentCorp, 2024). Huffaz profesional yang kompeten dalam TVET mempunyai peluang besar mengisi jawatan kritikal seperti Pembangun Perisian dan Jurutera AI kerana disiplin memori yang tinggi (PIKOM, 2025).

PENUTUP

Sebagai kesimpulan, integrasi Tahfiz-TVET memerlukan anjakan daripada sekadar penambahan subjek kepada penyelarasan ekosistem secara menyeluruh. Kerangka KUIF-TT menawarkan penyelesaian kepada isu bebanan kurikulum dan kelestarian hafazan, sekaligus memastikan huffaz Malaysia relevan dalam pasaran kerja global tanpa mengorbankan identiti spiritual mereka.

RUJUKAN

- Abdul Kadir, M. N. A., & Huda, M. (2025). Pencapaian Muraja'ah hafazan Al-Quran pelajar TVET-Tahfiz MARA ketika menjalani latihan industri. *AL-MAKRIFAH Journal of Knowledge and Learning in Islamic Tradition and Culture*, 3(1), 54-65. <https://doi.org/10.37134/almakrifah.vol3.1.5.2025>
- Ahmad Zahid Hamidi. (2025, Disember 21). *Standard pengiktirafan tahfiz dilaksana tahun hadapan*. Astro Awani. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/standard-pengiktirafan-tahfiz-malaysia-dilaksana-bermula-tahun-hadapan-tpm-ahmad-zahid-552557>
- Arshad, M. (2017). *Pembangunan kurikulum pendidikan tahfiz: Prinsip dan kaedah dalam membina kurikulum tahfiz Al-Quran*. Darul Quran JAKIM.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2016). *Dasar Pendidikan Tahfiz Negara*. Putrajaya: Bahagian Dasar Kemajuan Islam. <https://www.islam.gov.my/uploads/Dasar-Pendidikan-Tahfiz-Negara.pdf>
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2022, Mac 17). *Pelancaran Tahfiz-TVET kerjasama JPK dan JAKIM*. <https://www.islam.gov.my/ms/berita/3048-pelancaran-tahfiz-tvet-kerjasama-jpk-dan-jakim>
- Jabatan Pembangunan Kemahiran. (2017). *Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan: Pengurusan Tahfiz (P854-001-5:2017)*. MySPIKE.
- Kamaruddin, M., et al. (2021). Sistem pendidikan tahfiz di Malaysia, pilihan ibu bapa dan warisan pendidikan Islam Andalus: Satu sorotan. *Asian People Journal*, 4(1), 132-147.

- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2024). *Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)*. Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional. <https://bpltv.moe.gov.my/sistem-latihan-dual-nasional-sldn/>
- Kementerian Pendidikan Tinggi. (2024, Jun 8). *Pelancaran Dasar TVET Negara 2030 selaras dasar dan akta sedia ada*. <https://www.mohe.gov.my/hebahan/sorotan-aktiviti/pelancaran-dasar-tvet-negara-2030>
- Marwani, et al. (2024). Reframing the "dual burden" into "dual competence" in integrated Tahfiz-TVET: A case study of Ma'had Tahfiz Vokasional Aman Bistari. *Journal of Contemporary Islamic Education*, 5(1).
- Misnan Jemali & Ahmad Sadadi Hafidz. (2003). *Hubungan antara kaedah menghafaz al-Quran dengan pencapaian kursus tahfiz wa al-qiraat*. Seminar Kaedah Pengajaran Tahfiz al-Quran Peringkat Kebangsaan, Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Mohd Na'im Mokhtar. (2024, Oktober 29). *Kerangka Model Pengajian Tahfiz Malaysia bakal selaras sistem tahfiz negara*. IKIMfm. <https://ikimfm.my/kerangka-model-pengajian-tahfiz-malaysia-bakal-selaras-sistem-tahfiz-negara/>
- PIKOM. (2025). *Economic and digital job market outlook 2025*. https://pikom.org.my/Reports-Job_Market/PIKOM_EDJMO_2025.pdf
- Sidek, S. (2019). Evolusi pendidikan tahfiz di Malaysia: Dari pondok ke arus perdana. *Journal of Islamic Thought and Civilization*.
- Talent Corporation Malaysia Berhad. (2024). *MyMahir Malaysia critical occupations list (MyCOL) 2024/2025*. <https://www.talentcorp.com.my/mycol/>

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.